

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pungutan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sejak ia dilaksanakan berdasarkan pecahan mengikut negeri. Berapa banyak disalurkan kepada Pulau Pinang dan adakah Kementerian bercadang mengecualikan bayaran GST untuk projek awam, bukan keuntungan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan seperti longkang, jalan dan pasar. Nyatakan jumlah yang dikutip daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan cukai di sesuatu negeri termasuklah di negeri Pulau Pinang adalah tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut. Ini disebabkan lokasi kutipan cukai oleh JKDM adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan atau negeri tempat operasi syarikat yang berdaftar GST.

Namun begitu, selaras dengan amalan pentadbiran aktiviti pengutipan cukai yang dibuat mengikut lokasi pembayaran, pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Jumlah kutipan GST di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM1,400.9 juta dan RM2,339.51 juta. Sehingga 16 Oktober 2017, sebanyak RM1,820.78 juta telah dikutip.